

23 MEI 2018

## Buruh ladang ditahan

**Polis jumpa dadah dalam kereta dinaiki suspek**

NOR KHALILAH  
GUSTI HASSAN

BANDAR JENGA


Seorang buruh ladang berusia 38 tahun ditahan di belakang kilang baja Felda Jengka 12, di sini, kelmarin kerana disyaki memiliki dadah.

Ketua Polis Daerah Maran, Deputi Superintendan

Norzamri Abd Rahman berkata, dalam kejadian kira-kira jam 1.30 petang itu, anggota polis sedang melakukan rondaan di kawasan berkenaan dan mendapati seorang lelaki berada dalam keadaan mencurigakan.

Bagaimanapun, katanya, polis bertindak pantas mematikan enjin kereta warna kelabu yang dinaiki suspek melalui tingkap dan mengarahkan suspek keluar.

"Semakan polis terhadap nombor plat kenderaan itu membawa kepada pemeriksaan dalam kenderaan. Polis menjumpai satu beg silang hitam di bahagian tempat duduk penumpang bahagian hadapan.



Dadah yang dirampas.

"Beg tersebut mengandungi dua paket plastik lut sinar berisi serbuk atau ketulan disyaki dadah jenis

heroin dengan anggaran berat 6.49 gram dan sepaket plastik lut sinar disyaki dadah jenis syabu dengan anggaran



NORZAMRI

berat 0.19 gram," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Norzamri berkata, suspek yang bekerja sebagai buruh ladang itu kini direman bagi membantu siasatan.

info

Beg silang dirampas daripada suspek mengandungi tiga paket dadah jenis heroin, syabu

"Kesemua dadah itu dianggarkan bernilai RM350. Suspek juga mempunyai tiga rekod lampau berkaitan dadah dan hasil ujian urin mendapati suspek positif dadah," katanya.

Katanya, kes diklasifikasi di bawah Seksyen 39A(2); Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.